

21 JUN 2000

Laman-HIV/AIDS

LAMAN WEB MELAYU OCTOPUS ONLINE SEDIA MAKLUMAT HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Laman web hiburan terkemuka, Octopus Online yang beralamat di www.octopus.com.my hari ini melancarkan versi Bahasa Melayunya dengan menyelitkan pelbagai maklumat mengenai HIV/AIDS.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata, laman web berbentuk hiburan sering dilawati oleh golongan muda yang dikenal pasti sebagai golongan sasaran bagi menyebarkan maklumat tentang HIV/AIDS.

"Ini merupakan cara yang bijak untuk memberi pendidikan kepada golongan muda terutamanya mengenai isu seperti HIV/AIDS," katanya ketika melancarkan laman web itu di sini.

Beliau berkata, Majlis AIDS Malaysia menyedari bahawa HIV/AIDS menggugat golongan muda dengan 80 peratus daripada 34,000 yang dilaporkan menghidapi AIDS di Malaysia berada dalam lingkungan 20-39 tahun.

Katanya, jika usaha pencegahan HIV di kalangan golongan muda gagal, negara akan menghadapi kos ekonomi yang besar kerana tenaga kerja yang sakit akibat AIDS dan perbelanjaan untuk merawat atau kos untuk melatih tenaga kerja yang baru.

Pengarah Artis dan Pengurusan Acara Cosmos Discovery Sdn Bhd, Veronica Ong berkata tidak mudah bagi masyarakat Malaysia untuk membincangkan isu-isu sensitif seperti AIDS.

"Isu-isu seperti seks di usia muda, seks tidak selamat dan penggunaan dadah jarang dapat dibincangkan secara positif dan terbuka. Kami berharap Octopus Online dapat menyediakan saluran komunikasi yang lebih terbuka," katanya.

Cosmos Discovery, sebuah syarikat bersekutu HVD Entertainment telah menubuhkan Octopus Online pada 26 Feb tahun lepas dan sehingga kini laman web itu telah berjaya menarik 6 juta pengunjung atau "hits" sebulan.

Laman web versi Bahasa Melayu Octopus Online akan membawa berita-berita hiburan terkini mengenai artis-artis Malaysia, Indonesia, Bollywood, Hollywood dan antarabangsa.

Octopus Online mempunyai pelbagai rakan kongsi bagi menjadikannya laman web hiburan yang terbesar seperti TMNet, Bernama, Guang Ming Daily, Reservoir, One World dan JC Group.

-- BERNAMA

MHI NMO